



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

“PENGHARAMAN ARAK”

Tarikh Dibaca :

**22 RABI'ULAWWAL 1443H/
29 OKTOBER 2021M**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



جَاهُتَةُ كَمَا جُواوَانِ اِسْلَامِ مَلِيسِيَا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

PENGHARAMAN ARAK

22 RABI'ULAWWAL 1443H / 29 OKTOBER 2021

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الْقَائِلِ:

اَعُوْذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيْمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا اَلْحَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَمُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ

الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ۝

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَلَا مِثْلَ وَلَا شَبِيهَ وَلَا ضِدَّ وَلَا نِدَّ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

خَاتَمِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ اتَّقُوا اللهَ، أَوْصِيكُمْ وَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Khatib berpesan pada diri sendiri dan menyeru sidang Jemaah sekalian, marilah kita sama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan ini diberkati di dunia dan di akhirat. Pada hari ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk; “**Pengharaman Arak**”.

Khatib juga ingin mengingatkan untuk kita tetap berdisiplin mematuhi garis panduan dan SOP pencegahan penularan wabak Covid-19. Manfaatkanlah kelonggaran yang telah diberikan dengan sewajarnya. Pastikan kita benar-benar dalam kondisi yang baik sebelum

melakukan perjalanan agar kita dapat melindungi diri dan orang lain dari sebarang bahaya. Khatib juga ingin menyeru kepada seluruh umat Islam, marilah sama-sama kita mengimarahkan masjid pada setiap waktu. Imam al-Qurtubi dalam tafsirnya *al-Jami' li Ahkam al-Quran* menyatakan bahawa: “*Sekiranya kamu melihat seseorang mengimarahkan masjid maka perelokkanlah prasangkamu terhadapnya*”. Hal ini juga sepertimana hadis Nabi SAW daripada Abi Saïd al-Khudri RA bahawa Rasullullah SAW bersabda:

إِذَا رَأَيْتَ الرَّجُلَ يَعْتَادُ الْمَسْجِدَ فَاشْهَدُوا لَهُ بِالْإِيمَانِ

Mafhumnya: “*Apabila kamu sekalian melihat seseorang yang sentiasa pergi ke masjid, maka persaksikanlah keimanan untuknya*”. (Hadis riwayat Imam al-Tirmidzi, Ibn Majah dan Ahmad)

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Islam melarang umatnya melakukan perkara-perkara yang merosakkan di dunia. Perbuatan yang merosakkan ini bukan hanya bermaksud memusnahkan alam sekitar, atau pembalakan dan pemburuan haram, atau apa-apa yang difahami oleh kebanyakan manusia. Perbuatan yang merosakkan di sini merujuk kepada bentuk kekufuran, kemunafikan dan maksiat kepada Allah SWT secara umum. Hal ini kerana tindakan-tindakan ini amat bertentangan dengan ajaran Islam yang datang untuk membawa islah iaitu memperbaiki keadaan manusia dan alam semesta. Sungguhpun bentuk-bentuk kerosakan tersebut (kufur, nifaq dan maksiat) bersifat *ma'nawi*, akan tetapi, ia tetap akan menimbulkan kesan kerosakan-kerosakan *hissi* (fizikal) di atas muka bumi ini. Antara larangan yang jelas terkandung dalam al-Quran dan hadis ialah larangan berkaitan arak sebagaimana yang terkandung dalam Surah al-Maaidah ayat 90 yang dibacakan pada awal khutbah tadi yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Sebenarnya, umum telah mengetahui tentang bahaya dan ancaman serius dari kesan meminum arak. Ia bukan sahaja memberi kesan kepada peminum itu sendiri, bahkan, orang di sekelilingnya juga turut akan berhadapan dengan masalah lain. Bahkan, Saidina Uthman bin 'Affan RA pernah menyebutkan bahawa arak itu sebagai induk bagi segala keburukan.

Dengan meminum arak, si peminum telah melakukan kerosakan dengan berbuat maksiat kepada Allah SWT. Bukan itu sahaja, arak yang diminumnya itu akan menjadikannya mabuk, merosakkan organ dalam tubuhnya, melemahkan akalnya dan menyebabkannya kecanduan sehingga dia sukar untuk menghentikannya. Bahkan hidupnya atau orang lain juga boleh berakhir dengan kematian lantaran hilangnya kewarasan akal. Kesannya juga, peminum arak itu akan melakukan kekerasan terhadap orang lain, melakukan kekerasan seksual, merosakkan kemudahan awam, atau menyebabkan kemalangan.

Syaitan pula sentiasa berusaha menggoda umat manusia agar terus bermusuhan dan lalai dari mengingati Allah SWT dan perbuatan meminum arak ini merupakan salah satu daripada cara bagi syaitan mencelakakan umat manusia.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Allah SWT tidak mengharamkan sesuatu kecuali jelas terdapat bahaya atau kesan yang buruk padanya. Sesungguhnya Allah SWT itu Maha Mengetahui. Sekiranya baik, Allah SWT tidak akan mengharamkannya atas manusia. Oleh sebab itu, Islam yang bertujuan meng*islahkan* (memperbaiki) akhlak umat manusia, mengharamkan dengan tegas segala perkara yang memabukkan, sama ada dalam bentuk cecair minuman ataupun bentuk lainnya yang menghilangkan kesedaran dan kewarasan akal manusia. Pengharaman ini jelas berdasarkan nas al-Quran, al-Sunnah dan *ijma qat'i*.

Khatib ingin menegaskan sekali lagi bahawa semua benda yang memabukkan walau apa jua namanya, hukum meminumnya adalah sama dengan hukum arak, iaitu **haram**. Hadis daripada Abu Malik bin al-Asy'ari RA, beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda:

لَيَشْرَبَنَّ نَاسٌ مِّنْ أُمَّتِي الْخَمْرَ يُسَمُّونَهَا بِغَيْرِ اسْمِهَا

Mafhumnya: “Demi sesungguhnya manusia dalam kalangan umatku akan minum arak yang mereka menamakannya dengan nama yang lain”. (Hadis riwayat Abu Daud dan Ibn Majah)

Ajaran Islam bukan sahaja melarang keras perbuatan meminumnya. Bahkan segala perkara yang berkaitan dengan arak itu adalah ditegah. Hal ini jelas sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

لُعِنَتِ الْخَمْرُ عَلَى عَشْرَةِ أَوْجُهٍ بَعَيْنِهَا وَعَاصِرِهَا وَمُعْتَصِرِهَا، وَبَائِعِهَا وَمُبْتَاعِهَا، وَحَامِلِهَا
وَالْمَحْمُولَةَ إِلَيْهِ، وَآكِلِ ثَمَنِهَا، وَشَارِبِهَا وَسَاقِيهَا.

Mafhumnya: “Arak itu dilaknat pada sepuluh perkara; (1) pada zatnya, (2) pemerahnya, (3) orang yang memerahnya untuk diminum sendiri, (4) penjualnya, (5) pembelinya, (6) pembawanya, (7) orang yang meminta orang lain untuk membawanya, (8) orang yang memakan hasil penjualannya, (9) peminumnya, dan (10) orang yang menuangkannya”. (Hadis riwayat Ibn Majah, Abi Dawud, al-Tirmidzi, al-Nasa-i)

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Maka, semestinya setiap umat Islam sentiasa bersikap tegas dan berani dalam masalah arak, sama ada menjauhi dari meminumnya atau mempromosinya kerana sebagaimana yang dinyatakan melalui sabda Rasulullah SAW tadi bahawa Allah SWT melaknat golongan-golongan yang ada perkaitan dengan penghasilan arak. Penguatkuasaan yang tegas memainkan peranan yang penting selain peranan institusi keluarga dalam menerapkan kesedaran dan pemahaman terhadap larangan dan bahaya arak. Mudah-mudahan Allah SWT menjauhkan kita dari fitnah dan bahaya arak dan menyelamatkan generasi kita daripadanya juga.

Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin menekankan beberapa intipati untuk dijadikan pedoman kita semua;

Pertama: Sungguhpun kekufuran, kemunafiqan dan maksiat yang dilakukan berbentuk *ma'nawi*, namun ia tetap memberi kesan kerosakan *hissi* (fizikal) di atas muka bumi ini.

Kedua: Perbuatan meminum arak bukan sahaja memberi kesan yang buruk kepada peminumnya, bahkan ia juga memberi kesan buruk kepada orang di sekelilingnya.

Ketiga: Setiap perbuatan yang berkaitan dengan penghasilan arak merupakan perbuatan yang dilaknat oleh Allah SWT. Maka berusaha kita untuk menjauhi dari meminumnya atau mempromosikannya.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Maaidah ayat 91:

إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُوقِعَ بَيْنَكُمُ الْعَدَاوَةَ وَالْبَغْضَاءَ فِي الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ وَيَصُدَّكُمْ عَن ذِكْرِ اللَّهِ وَعَنِ الصَّلَاةِ فَهَلْ أَنْتُمْ مُنْتَهُونَ ۝٩١

Maksudnya: “Sesungguhnya Syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian antara kamu dengan sebab arak dan judi, dan mahu memalingkan kamu daripada mengingati Allah dan daripada mengerjakan sembahyang. Oleh itu, mahukah kamu berhenti (daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan kotor itu atau kamu masih berdegil)?”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهِمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي
التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلَكْنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَا
مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينْدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى
بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينْدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اَكُوغْ، تُونُكُو
حَاجِهِ عَزِيزِهِ أَمِينِهِ مِيمُونِهِ إِسْكَندَرِيهِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانَ
إِسْكَندَرَ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقَضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رَخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ اعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذَلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُحَنِّ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu kepada-Mu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan selama ini. Engkau angkat dan hilangkanlah wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

وَالْبَغْيِ يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ٥٠

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.